


<https://news.usm.my>

Berita Mutakhir


27
MAY

ICERT 2015 PERKUKUH AGENDA KELESTARIAN UNIVERSITI





PULAU PINANG, 27 Mei 2015 - Tersenarai dalam kelompok 31 terbaik dunia dalam bidang sains persekitaran, Universiti Sains Malaysia (USM) melalui Pusat Pengajian Teknologi Industri (PPTI) dalam memperkukuhkan peranan dan memacu agenda kelestarian, buat kali kelima menganjurkan International Conference on Environmental Research and Technology (ICERT 2015).

Pemangku Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr. Adnan Hussein berkata, persidangan ini berfungsi sebagai platform dalam pertukaran idea dan intelektual untuk melonjakkan kerjasama penyelidikan dan rangkaian di kalangan pakar-pakar dalam pelbagai aspek sains alam sekitar dan penyelidikan teknologi.





"Selaras dengan keperluan untuk terus mengekalkan kecemerlangan dan strategi baru dalam bidang penyelidikan kelestarian, persidangan ICERT 2015 ini membolehkan perkongsian idea oleh para peserta pelbagai negara dunia, khususnya dalam menetapkan strategi terbaru untuk mengukuhkan penyelidikan-penyelidikan berkaitan aspek kelestarian.

"Salah satu strategi adalah memberi tumpuan dalam mengukuhkan bidang penyelidikan teknologi hijau dan pembaharuan teknologi dalam bidang kelestarian alam sekitar untuk mengekalkan kualiti kehidupan," tambah Adnan lagi dalam ucapan perasmianya di sini hari ini.



ICERT 2015 bertemakan 'Meneroka Sempadan dalam Bidang Sains Alam Sekitar dan Penyelidikan Teknologi' bertujuan untuk menonjolkan pengetahuan dan teknologi baru yang berkaitan dengan kelestarian alam sekitar di samping membincangkan isu-isu semasa berkaitan pengurusan alam sekitar dan pembangunan dan pada masa yang sama, meningkatkan kerjasama dan rangkaian dalam kalangan pakar dalam pelbagai bidang kelestarian alam sekitar.


Persidangan kali ini menghimpunkan 90 orang pembentang dari pelbagai negara antaranya Indonesia, Filipina, Thailand, Korea dan Australia yang akan membincangkan isu-isu yang berkaitan kelestarian alam sekitar dan penyelidikan teknologi industri.



Sementara itu, Pengarah ICERT 2015, Profesor Dr. Teng Tjoon Tow berharap persidangan kali ini akan memberi lebih banyak peluang dalam bidang penyelidikan kelestarian alam sekitar dan dapat menjalinkan kerjasama dengan negara luar dalam pelbagai bidang.

“Saya yakin dengan pembentangan hasil kajian terkini mengenai pelbagai topik yang berkaitan kelestarian dari peserta, persidangan ini akan mencapai objektifnya dalam menonjolkan pengetahuan dan teknologi baru yang berkaitan dengan pengurusan alam sekitar dan pembangunan, serta dapat meningkatkan kerjasama dan rangkaian dalam kalangan pakar-pakar dalam pelbagai bidang kelestarian alam sekitar,” katanya dalam majlis perasmian ICERT 2015.

“Persidangan ini juga mampu memberi impak dan peluang kepada para penyelidik khususnya dalam bidang teknologi industri bertemu dengan ahli akademik yang berpengalaman dalam bidang kelestarian bagi mewujudkan kerjasama dan pemindahan ilmu antara mereka di masa akan datang,” tegasnya lagi.



Ucaptama ICERT 2015 telah disampaikan oleh pensyarah dari Universiti of Technology, Babol, Iran, Profesor Ghasem Najafpour dan Timbalan Pengarah di Jabatan Pembangunan Putrajaya, Dato' Dr. Ahmad Kamarul Najuib Che Ibrahim masing-masing membentangkan ucaptama yang bertajuk 'Biological Treatment Processes: Suspended Growth Vs Attached Growth' dan 'Mainstreaming Enviromental Policies in The Industrial Sector'. Teks: Syuhada Abd Aziz / Foto: Mohd Fairus Md Isa



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015

